

Bil. S 87

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI (PINDAAN), 2013

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 149.
 3. Pindaan bab 4.
 4. Pindaan bab 5.
 5. Pindaan bab 8.
 6. Pindaan bab 12.
 7. Pemansuhan bab 13.
 8. Pindaan bab 14.
 9. Penggantian bab 19.
 10. Pemasukan bab 20A baru.
 11. Pindaan bab 22.
 12. Pindaan bab 43.
 13. Pemasukan bab 43A baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI (PINDAAN), 2013

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (Pindaan), 2013 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Ogos 2011.

Pindaan bab 2 dari Penggal 149.

2. Bab 2 dari Akta Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda, dalam cerai (1) —

(a) dalam takrifan “orang muda yang layak”, dengan memotong “17½” dan menggantikannya dengan “18”;

(b) dalam takrifan “anggota”, dengan memotong “atau soldadu muda, dan, berhubung dengan Angkatan Bersenjata Simpanan, seseorang pegawai, soldadu dewasa atau muda simpanan” dan menggantikannya dengan “, dan, berhubung dengan Angkatan Bersenjata Simpanan, seseorang pegawai atau soldadu”;

(c) dengan memotong takrifan “pegawai”;

(d) dengan memasukkan takrifan-takrifan baru yang berikut mengikut susunan abjad yang betul —

“bertauliah” bermakna pengurniaan pangkat pegawai dalam Angkatan Bersenjata oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

“mengambil berkhidmat” bermakna diambil berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata atau Angkatan Bersenjata Simpanan menurut bab 12;

“latihan mandatori” bermakna latihan yang dijalani oleh seseorang pegawai kadet atau seseorang rekrut sebelum ditauliahkan sebagai seorang pegawai atau sebagai seorang soldadu terlatih;

“pegawai” bermakna mana-mana orang yang ditauliahkan dalam Angkatan Bersenjata oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah Akta ini tetapi tidak termasuk mana-mana orang yang berkhidmat di bawah mana-mana perjanjian atau kontrak pinjaman dengan Kerajaan;

“pegawai kadet” bermakna seseorang pegawai yang menjalani latihan pegawai dalam Angkatan Bersenjata atau Angkatan Bersenjata Simpanan;

“rekrut” bermakna seseorang yang diambil berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata atau Angkatan Bersenjata Simpanan yang tidak pernah diambil berkhidmat dahulunya menurut peruntukan-peruntukan Akta ini;

“soldadu” bermakna mana-mana orang selain daripada seseorang pegawai, yang diambil berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata di bawah atau menurut peruntukan-peruntukan Akta ini, tetapi tidak termasuk seseorang pegawai kadet, kecuali jika diperuntukkan dengan nyata;”.

Pindaan bab 4.

3. Bab 4 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memotong “dan soldadu-soldadu muda” dari baris kedua; dan

(b) dalam cerai 2(d), dengan memotong “dan muda simpanan”.

Pindaan bab 5.

4. Bab 5 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memotong “, soldadu-soldadu muda, soldadu-soldadu dewasa dan muda simpanan” dari baris kedua dan ketiga dan menggantikannya dengan “dan lelaki dewasa”.

Pindaan bab 8.

5. Bab 8 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (4), dengan memasukkan “memutuskan bahawa perkhidmatan seseorang pegawai tidak lagi diperlukan dan” sejurus sebelum “membatalkan” —

Pindaan bab 12.

6. Bab 12 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memotong “17½” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “18”;

(b) dengan memasukkan “sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak” sejurus selepas “tempoh-tempoh” dalam baris keenam.

Pemansuhan bab 13.

7. Bab 13 dari Akta itu adalah dimansuhkan.

Pindaan bab 14.

8. Bab 14 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memotong “dalam bentuk yang ditetapkan” dari baris keempat.

Penggantian bab 19.

9. Bab 19 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Hak rekrut untuk menebus diri.

19. Tertakluk kepada tempoh penugasan wajib sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, seseorang rekrut boleh dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan membayar bagi pemberhentian kerjanya pada bila-bila masa dalam masa latihan mandatorinya, dan jika titah perkenan Baginda diberikan maka dia hendaklah, setelah membayar kepada Kerajaan sejumlah wang tidak melebihi \$4,000 dan dalam hal seseorang pegawai, tidak melebihi \$10,000, diberhentikan kerja dengan seberapa segera yang boleh tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak:

Dengan syarat bahawa titah perkenan Baginda tidak boleh diberikan kepada seseorang rekrut untuk membayar bagi pemberhentian kerjanya pada masa apabila keadaan perang berlaku di antara Brunei dengan mana-mana kuasa asing, atau lelaki dewasa Angkatan Bersenjata Simpanan dipanggil untuk berkhidmat sepenuh masa menurut bab 25.”.

Pemasukan bab 20A baru.

10. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 20 bab baru yang berikut —

“Perkhidmatan tidak lagi diperlukan.

20A. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, tanpa memberikan apa-apa sebabnya, memutuskan bahawa perkhidmatan seseorang soldadu tidak lagi diperlukan dan membatalkan mana-mana pengambilan berkhidmat.”.

Pindaan bab 22.

11. Bab 22 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1) —

- (i) dengan memotong “atau soldadu muda Angkatan Bersenjata atau orang dewasa atau soldadu muda simpanan” dari baris keempat dan kelima dan menggantikannya dengan “Angkatan Bersenjata atau lelaki dewasa”;
- (ii) dalam perenggan (d), dengan memotong “atau soldadu muda Angkatan Bersenjata atau orang dewasa atau soldadu muda simpanan” dari baris keempat dan kelima dan menggantikannya dengan “Angkatan Bersenjata atau lelaki dewasa”;

(b) dalam cerai (2) —

- (i) dengan memotong “atau soldadu muda” dari baris kedua;
- (ii) dengan memotong “atau soldadu muda simpanan” dari baris ketiga;
- (iii) dengan memotong “seorang dewasa atau soldadu muda simpanan sedemikian” dari baris keenam dan menggantikannya dengan “lelaki dewasa”.

Pindaan bab 43.

12. Bab 43 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (2), dengan memasukkan “atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya” sejurus selepas “Akta ini” dalam baris akhir kedua.

Pemasukan bab 43A baru.

13. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 43 bab baru yang berikut —

“Gagal mematuhi terma-terma penugasan.

43A. Mana-mana orang tertakluk kepada undang-undang tentera adalah dikehendaki untuk mematuhi terma-terma penugasan yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan itu dan kegagalan untuk mematuhi kehendak-kehendak tersebut hendaklah, jika disabitkan kesalahan oleh mahkamah tentera, dikenakan hukuman penjara selama 2 tahun atau apa-apa hukuman yang kurang yang diperuntukkan oleh Akta ini.”.

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 10 haribulan Disember, 2013 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM